

UPM pameran 100 lukisan batik pelajar

UTUSAN MALAYSIA
22 APR 09.

MELUKIS batik adalah antara aktiviti seni yang boleh mendatangkan pulangan lumayan jika diusahakan secara serius.

Ia memerlukan kreativiti yang tinggi selain minat yang mendalam dalam salah satu seni warisan masyarakat Melayu ini.

Bagaimanapun, pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, Selangor, membuktikan tanpa pendidikan formal dalam membuat batik, mereka masih mampu menghasilkan lukisan batik canting.

Lebih manis lagi, kejayaan menghasilkan 128 karya oleh 100 pelajar itu dipertontonkan pada Pameran Batik Canting di Pusat Kesenian dan Kebudayaan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM, baru-baru ini.

Penyelarasan Komponen Badan Beruniform, Seni Budaya, Kemahiran dan Keterampilan Pusat Kokurikulum UPM, Dr. Paramasivam Muthusamy berkata, program tiga hari itu bertujuan mengetengahkan hasil bakat pelajar universiti itu kepada warga UPM.

Katanya, program itu adalah anjuran pelajar kursus Batik Canting yang



PELAJAR UPM tertarik melihat hasil batik canting yang dipamerkan di universiti itu, baru-baru ini.

dikelolakan oleh Pusat Kokurikulum UPM dengan bantuan empat jurulatih.

“Adalah diharap penganjuran pameran ini dapat memberi inspirasi kepada warga kampus meminati aktiviti

seni terutamanya batik ini,” katanya ketika menutup majlis tersebut.

Pelajar tahun dua Bachelor Sains dan Teknologi Makanan yang juga Pengarah projek, Nurdiyana Fatin Ruslan

berkata, terdapat dua teknik yang digunakan semasa mempelajari batik canting iaitu teknik conteng dan canting.

“Kami melukis menggunakan pensel terlebih dahulu di atas kain ‘Kaftan’ dan menggunakan cairan lilin dan damar untuk mencanting dengan menggunakan peralatan canting iaitu alat untuk melukis dan berus untuk mewarna.

“Biasanya kami mengambil masa satu ke dua minggu untuk menyiapkan satu batik canting bagi ukuran 15 x 15 inci (individu) dan batik berukuran 1.5 meter x 1 meter (kumpulan),” katanya yang mahu membuka perniagaan batik pada satu masa nanti.

Beliau berkata, walaupun penghasilan batik canting mengambil masa yang lama dan kosnya mahal tetapi lebih halus dan teliti serta mempunyai tiga hingga empat lapisan berbanding batik cop.

Batik canting adalah seni lukisan tangan yang dicoret indah di atas sehelai kain putih dengan bermotifkan ciri-ciri seperti flora dan bentuk geometri yang mempunyai maksud tertentu.